

Headline	Lelongan 400 barang antik dimuzium	Language	MALAY
Date	16. Oct 2008	Page No	40
Media Title	Berita Harian	Article Size	116 cm2
Section	Sentral	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	6102.46



Lelongan 400 barang antik di muzium

SERDANG: Sebanyak 600 barangan antik akan dipamerkan dengan 400 daripadanya akan dilelong pada program Pameran dan Lelongan Amal Barangan Antik pada 24 hingga 26 Oktober ini di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam di sini.

Program bertemakan 'World Heritage Legacy 2008' itu diilhamkan kumpulan Mahasiswa Sarjana KOM5321 dan Pensyarah Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Fauzi Abdul Latif.

Ia bertujuan mengisi tabung kebajikan pelajar UPM bagi membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan di universiti berkenaan.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof Madya Dr Che Ibrahim Salleh, berkata program yang akan dirasmikan Menteri Pelancongan yang

juga penaung program, Datuk Seri Azalina Othman Said dibahagi kepada dua bahagian.

"Pameran akan diadakan pada 24 dan 25 Oktober di Dewan Pameran Daeng Menambu bermula jam 9.30 pagi hingga 5 petang manakala lelongan amal pada 26 Oktober di Dewan Raja Lumu.

"Program ini memfokuskan kepada lelongan dan pameran barangan antik yang berusia ratusan tahun untuk tatapan generasi baru," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 200 barangan akan dipamerkan termasuk al-Quran berilmunisasi tertua di Asia Tenggara yang berusia 400 tahun berasal dari Makasar, Indonesia.

"Kehadiran al-Quran yang ditulis pada 1088 Hijrah oleh Yaacob Al-Sudi ini pastinya akan menjadi tarikan kepada orang ramai memandangkan al-Quran ini sendiri diiktiraf Perpustakaan British.

"Selain itu turut dipamerkan adalah manuskrip zaman Othmaniah yang berusia lebih 400 tahun, acuan membuat duit, koleksi kain lama seperti kain cindai, limar dan Palembang," katanya.

Che Ibrahim berkata, sebanyak 400 barangan antik dari pelbagai negara pula akan dilelong seperti kerongsang intan dan rubi dari Melaka, kain cindai dari Johor, koleksi mesin taip dan mesin jahit.